

15 SEP 1999

Adnan-Air

MASALAH AIR AKAN DIATASI DALAM MASA SEBULAN

KUANTAN, 15 Sept (Bernama) -- Menteri Besar Pahang Datuk Adnan Yaakob hari ini memberi jaminan bahawa masalah bekalan air kepada penduduk di Bentong akan diatasi dalam masa sebulan.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri selama ini pun telah mencuba pelbagai cara untuk mengatasinya menerusi Jabatan Parit dan Saliran yang sentiasa mengambil langkah bersesuaian untuk mengatasinya.

Beliau berkata demikian berikutan laporan yang sebuah parti pembangkang mahu mengadakan satu tunjuk perasaan untuk memperjuangkan masalah bekalan air itu.

"Tak payahlah DAP nak buat tunjuk perasaan...mereka buat tunjuk perasaan atau tidak, proses membaiki ini berjalan dan ianya tanggungjawab kerajaan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco di sini.

Masalah ini timbul apabila Empangan Perting di Bentong yang dibina pada zaman pemerintahan British pecah menyebabkan banyak pasir mendap dan menyumbat muka sauk loji air Fasa 2 Bentong.

Ini menyebabkan kurangnya bekalan air berbanding keupayaan biasa loji itu yang mampu membekalkan 2.5 juta gelen air kepada penduduk di daerah Bentong dan keadaan itu menyebabkan bekalan air terpaksa dicatu.

Beliau berkata, JPS sebelum ini sudah mengambil beberapa tindakan untuk membersihkan pasir berkenaan tetapi tidak berkesan. Jadi, sebagai langkah jangka panjang JPS akan membaiki semula empangan itu.

Jabatan Bekalan Air (JBA) Pahang pula sudah memaklumkan Kerajaan Negeri mereka sedang membuat muka sauk yang baru di loji itu dengan menggunakan pam air yang sedia ada.

"Kita berharap penduduk di Bentong bersabar," katanya.

Apabila kerja-kerja membaikpulih itu selesai kelak ia mampu membekal sebanyak 2 juta gelen air sehari.

Sementara itu Adnan berkata kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya wakil rakyat Barisan Nasional (BN) yang tidak dicalonkan semula dalam pilihan raya akan datang supaya membantu calon baru memenangnya amat wajar dan perlu dihayati oleh segenap lapisan masyarakat.

Beliau berkata mereka yang tidak terpilih tidak perlu berasa kecewa malah perlu memberi sokongan padu demi kepentingan parti.

Jawatan yang disandang dalam kerajaan atau parti bukannya untuk mencari kemewahan tetapi untuk berkhidmat kepada rakyat, katanya.

-- BERNAMA

SHS PR